

NEGARA ISLAM

Kurun yang kedua puluh ialah kurun kebangkitan cita-cita kenegaraan Islam. Sesudah diam dan tenggelam seribu tahun lebih lamanya, setelah kebangkitannya yang pertama kali dalam zaman Junjungan kita Muḥammad Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* dan sahabat-sahabatnya sesudah zamannya. Baharulah dalam kurun kita ini, cita-cita negara Islam terbit semula di tengah-tengah masyarakat dunia.

Daulah Islāmiyyah (Negara Islam)

Belum pernah ada suatu zaman semenjak zaman Nabi itu, yang di dalamnya cita-cita negara Islam mengambil perhatian seluruh bangsa manusia umumnya, sebagai halnya dalam zaman kita sekarang ini. Kurun kita sekarang dibuka tabirnya oleh *muṣliḥ* Islam yang besar, al-Sayyid Jamal al-Din al-Afghani berdua dengan al-Shaykh Muhammad Abduh.

Pecahan perang dunia dua kali – 1914 dan 1939 – tidak lain hanyalah memperkuat kebangkitan dunia Islam bagi memiliki kembali cita-cita negara Islam sebagai yang dikobar-kobarkan oleh kedua-dua pemimpin itu.

Dunia Islam bangun! Beberapa bangsa dari umat Islam mengisytiharkan kemerdekaan negaranya. Di antaranya ada yang mujur dapat mencapai kedaulatannya sesudah Perang Dunia yang pertama, tetapi ada pula yang telah menunggu sehingga tamat Perang Dunia yang kedua, seperti Indonesia, Pakistan dan Libya, bahkan ada yang sampai hari ini terus berjuang untuk mencapai kemerdekaan.

Suatu gerakan yang sungguh menarik hati, yang semakin kuat sesudah Perang Dunia kedua, ialah gerakan negara Islam. Umat Islam berusaha supaya negara merdeka yang sudah mereka rebut dengan darah dan jiwa putera bangsanya, mestilah didirikan di atas asas-asas kenegaraan yang diajarkan oleh Nabi Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ālihi wa sallam*. Gerakan inilah yang dinamakan “cita-cita negara Islam”.

Cita-cita negara Islam tidaklah cukup dengan nama “Islam” dipampangkan pada tiap-tiap negara atau dengan “pangkat” yang dipanggilkan kepada ketua negaranya. Cita-cita negara Islam bukanlah soal kulit, tetapi soal isi dan dasar yang dipakai serta cita-cita yang didukung oleh negara itu, iaitu isi, dasar dan cita-cita Islam yang diajarkan dan pernah diamalkan oleh Nabi Muḥammad dan kemudian oleh sahabat-sahabatnya *al-khulafā’ al-rāshidīn*.

Sebab itu, belumlah dapat diakui bahawa negara-negara yang menamakan dirinya “negara Islam” sudah sesuai

dengan cita-cita Islam yang sebenarnya, walaupun ketua negaranya seorang Islam dan memakai gelaran Islam. Inilah yang kerap kali meragukan dan mengacaukan faham orang tentang cita-cita kenegaraan Islam. Mereka menengok kenyataan-kenyataan yang sedang berlaku dalam negara-negara yang menamakan dirinya “negara Islam”, dan sebab itu mereka menolak faham dan cita-cita Islam, kerana berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan itu.

Dawlah Islāmiyyah (negara Islam), bukan sahaja diajarkan oleh Nabi tetapi juga sudah pernah didirikannya pada masa hidupnya. Memang ada keistimewaan agama Islam dari agama-agama yang lainnya. Islam tidak mengenal ajaran “pemisahan agama dari negara”, tetapi Islam meliputi akan keduanya.

Kebangkitan Islam pada zaman Nabi adalah dibahagi kepada dua zaman. Pertama terkenal dengan “zaman Mekah”, berjalan 13 tahun lamanya, yang di dalamnya Nabi Muḥammad hanya bekerja mengajarkan iman dan tauhid sahaja, pendeknya semata-mata agama. Tetapi setelah datang zaman kedua, yang terkenal dengan “zaman Madīnah”, berjalan 10 tahun lamanya, perjuangan Nabi sudah luas meliputi urusan agama dan negara, dunia dan akhirat, rohani dan jasmani. Pada hari pembukaan zaman Madinah ini Nabi telah mendirikan masjid sebagai simbol keagamaan, dan mengisytiharkan pula suatu perisytiharan bagi berdirinya negara Islam.

Agama dan Siyāsah

Agama dan siyāsah merupakan suatu kebulatan dalam Islam. Nabi telah berhasil memperjuangkannya dalam masa 10 tahun, dengan memberikan dasar yang asasi, sifat dan bentuk, serta isi yang dipunyai oleh

suatu negara. Di dalam zamannya sebagai ketua negara, Nabi mengirinkan duta-duta istimewa kepada berbagai negara-negara dunia, dan telah menerima berbagai duta-duta istimewa dari negara-negara lainnya, sehingga terkenal beberapa tahun sebelum wafatnya dengan nama “*sanah al-wufūd*” (tahun perutusan).

Terlepas dari perasaan setuju atau tidak, terhadap agama Islam, maka semua orang-orang yang ahli mengakui suatu kenyataan bahawa Nabi Muḥammad sudah berhasil menyatukan agama dan negara. Kenyataan inilah dengan segala ajaran-ajaran kenegaraan yang ditinggalkannya telah diteruskan oleh sahabat-sahabatnya yang terkenal dengan “*khulafā’ al-rāshidīn*”.

Di dalam bukunya “*Nash’ah al-Dawlah al-Islamiyyah*” (Pertumbuhan Negara Islam), Amīn Sa’īd menerangkan bahawa negara Islam yang didirikan oleh Nabi Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ālihi wa sallam* adalah memenuhi segala syarat-syarat yang dihajati oleh suatu negara. Amīn Sa’īd menerangkan bahawa negara Islam itu sudah memenuhi syarat dan rukun negara sebagai berikut:

1. Ada peraturan dan undang-undang yang meliputi segala hukum, yang berpunca kepada al-Qur’ān.
2. Ada pemerintahan yang teratur dengan penjaga keamanannya, yang ditaati oleh sekalian rakyat, dan yang melakukan perhubungan dengan luar negeri.
3. Ada tentera yang melindungi segala peraturan dan undang-undang.
4. Ada punca kewangan yang membelanjai kehidupan negara.

5. Ada rakyat yang taat akan segala perintahnya.

6. Ada tanah air itu sempadan daerah yang tetap.

Pendeknya segala syarat dan rukun yang dikehendaki oleh suatu negara menurut pengetahuan moden sekarang ini, sudah dipenuhi oleh negara Islam pada permulaan berdirinya dalam zaman Nabi itu. Negara Islam inilah yang dilanjutkan berdirinya oleh sahabat-sahabat Nabi di belakangnya, dengan dasar-dasar, bentuk dan sifat serta hukum yang diajarkan oleh Nabi itu.

Akan tetapi, alangkah sayangnya. Negara Islam¹ di dalam bentuknya yang pertama itu, yang masih suci dan murni dan sesuai dengan ajaran-ajaran Islam, hanya berjalan beberapa puluh tahun sahaja. Sesudah zaman *al-khulafā' al-rāshidīn*, maka terdirilah kerajaan-kerajaan yang memakai nama Islam, tetapi pada hakikatnya bertentangan dengan dasar-dasar negara Islam sebagai yang diajarkan dan diamalkan oleh Nabi Muḥammad *ṣallā Allāh 'alayhi wa sallam*.

Dawlah Islāmiyyah atau negara Islam, yang sudah tenggelam-tenggelam berkurun-kurun lamanya, tetap selamanya menjadi idaman bagi seluruh umat Islam dari zaman ke zaman. Idaman itu telah dipukul gongnya oleh *muṣliḥ* Islam, al-Sayyid Jamal al-Din al-Afghani pada permulaan kurun kita ini sebagaimana yang diterangkan di atas tadi.

Ke sanalah, ke zaman Nabi dan *al-khulafā' al-rāshidīn*, yang sudah berlalu 13 kurun yang lampau, kita mengarahkan pandangan untuk membentuk negara Islam. Bagi umat Islam Pakistan, Syria, Mesir, Saudi Arabia dan lain-lainnya, mahupun umat Islam Indonesia, mempunyai cita-cita yang satu dan modal yang satu, bagi faham Islam yang dianutnya, iaitu modal negara Islam

dalam zaman Nabi dan *al-khulafā' al-rāshidīn*. Cita-cita itu terlepas dari segala bentuk dan sifat, isi dan dasar dari beberapa negara yang menamakan dirinya “negara atau kerajaan Islam” pada zaman ini atau pada zaman yang telah lalu.

Pejuangan Umat Islam Indonesia

Umat Islam Indonesia masih berjuang terus hendak membentuk Indonesia sebagai sebuah negara Islam. Tiga parti siyāsah Islam yang mendukung cita-cita negara Islam sedang berjuang terus di Indonesia, iaitu: Masyumi, Nahdatul Ulama dan Partai Sarekat Islam Indonesia.

(dari buah kalam al-Ustaz Zainal Abidin Ahmad)

Khusyukkah sembahyang tuan?

Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa kita ini berasal dari setitik air yang hanyir dan akan kembali menjadi bangkai yang busuk yang tidak ada harganya” – kata Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

Sujudlah kepada Tuhanmu!

Disusun oleh ‘Idrūs

Sebuah buku *Serial* Syarahan 2 yang diterbitkan oleh **QALAM**. Senaskhah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.

¹ Dalam Qalam dieja sebagai Salam (tertinggal ‘alif’)